

Imperialisme baru lebih bahaya

BH - 29/8/2006

KEMERDEKAAN sebenar dalam erti kata merdeka dan bebas untuk mentadbir negara dengan sendiri tanpa kongkongan penjajah sememangnya besar maknanya kepada pejuang kemerdekaan dan warga pasca merdeka.

Hakikat sebenar generasi selepas merdeka benar-benar menghayati erti kemerdekaan amat dituntut oleh warga emas yang bertungkus-lumus dan berjuang berhabis-habisan untuk memerdekakan negara.

Namun, selepas 49 tahun negara merdeka, kita tidak boleh lalai dan leka bahawa masih ada anasir luar yang cuba merobek kemerdekaan yang kita kecapi. Anasir luar ini akan menggunakan pelbagai cara dan bentuk untuk menjajah semula dalam bentuk yang lebih canggih dan moden.

Mereka mengkaji dan melakukan penyelidikan bertahun-tahun lamanya mengenai kelemahan dan kesukuan orang Melayu. Mereka tahu orang Melayu suka kepada hiburan, gosip, mengumpat, boros berbelanja, suka dibodek dan lemah dengan wang.

Sasaran mereka kepada orang Melayu berbanding dengan kaum lain ialah kerana orang Melayu memegang tampuk kuasa politik dan pentadbiran negara. Pada anasir luar kumpulan ini yang perlu dilemahkan dulu.

Cara lain ialah penjajahan dalam bentuk merombak minda, gaya hidup dan budaya kita. Sasaran utama ialah golongan muda dan golongan 'atas pagar' yang kadang-kadang menyokong kerajaan dan kadang-kadang menentang kerajaan. Lebih ketara ialah suntikan menjajah dalam bentuk budaya dan gaya hidup yang akan meminggirkan budaya Timur dan pegangan agama rakyat kita.

Sudah wujud golongan yang mula mengagung-agungkan apa saja yang dihidangkan oleh Barat dan negara luar itu baik dan terpuji. Anasir luar juga menyelinap ke dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan diberi bantuan kewangan untuk melakukan pelbagai aktiviti.

Sudah wujud NGO yang mula mempertikaikan hak ketuanan orang Melayu dan Islam sebagai agama rasmi negara.

Apakah rasionalnya berhujah dan menegakkan pendapat mereka mengenai perkara yang lama termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang sudah berpuluh tahun kita luhurkan dan dirangka oleh wakil semua kaum sebelum Perlembagaan itu termaktub?

Apakah persamaan hak dan kuasa yang mula dibangkitkan sekarang ini bermirip seperti suatu revolusi persamaan hak yang berjaya di Barat? Sudah wujud NGO yang dikatakan mengamalkan liberalisasi Islam lebih memperjuangkan hak dan kesaksamaan kaum wanita dan memburukkan undang-undang Islam dan ulama.

Mereka dikatakan jaguh dalam

memperjuangkan undang-undang keluarga Islam. Mereka mempersendakan hadis dan al-Quran kerana menjatuhkan martabat wanita tetapi NGO mereka menggunakan nama Islam sebagai nama organisasi mereka.

Ia belum dikira gejala sosial yang dirasuk oleh Barat kepada rakyat negara kita terutama di bandar besar seperti gay, lesbian, hidup bersama tanpa nikah dan penggunaan dadah sintetik.

Kumpulan gay dan lesbian sedang giat 'merekrut' ahli baru terutamanya orang Melayu. Kehebatan mereka mencari ahli baru begitu sistematis dan berjaya. Siapakah yang membiayai dan menaja kegiatan mereka sehinggakan mereka ada kelab persendirian dan pusat spa mereka sendiri?

Tidakkah ini akan merosakkan generasi muda negara dan untuk jangka masa panjang akan musnah negara kita jika perbuatan jijik ini tidak dibanteras. Mereka diserapkan dengan nilai budaya Barat.

Pernah seorang remaja berkata agama dan bangsa hanya formaliti seseorang insan. *One World* adalah pegangan mereka yang diracuni melalui laman web remaja. Kebebasan seks adalah suatu keindahan hidup *One World* dan ia rutin harian seperti makan dan minum.

Tidakkah kita terkejut dengan wawasan baru remaja sekarang? Malah kumpulan ini bertukar-tukar fikiran dan pengalaman melalui laman blog mereka. Tidak mustahil jika penceroboh yang merasuk ke dalam negara kita ini jika tidak dibendung akan menghancurkan bangsa Malaysia dan musnahlah nilai kemerdekaan negara.

Kita tidak mahu menjadi seperti negara Bosnia yang rosak nilai jati diri dan pegangan agama rakyatnya terutama generasi muda akibat terlampau bebas dan tiada kawalan nilai hidup bebas dikalangan rakyatnya. Walaupun mereka beragama Islam tetapi agama sudah menjadi seperti keturunan saja yang perlu tulis ketika mengisi borang.

Kita tidak mahu negara kita menjadi seperti Bosnia jika tidak dikawal anasir luar yang mula meracuni rakyat negara kita dan matlamat utamanya ialah merobek dan menjajah semula negara dengan ideologi negatif mereka.

Penjajah alaf baru tahu kelemahan kita terutamanya orang Melayu. Mereka hendak menghancurkan kemerdekaan agama, bangsa, budaya dan nilai murni kita. Kekerasan tidak mungkin dilakukan dan sebagai pilihan suntikan secara halus dan wang ringgit amat berjaya untuk meruntuhkan sebuah negara seperti Malaysia. Jika tidak dibendung awal, ia akan merebak seperti barah dan kita sudah hilang kawalan.

SHAIFUL BAHRI SAIDIN,
Taman Harmoni, Sekinchan.